


Minda Pengarang



Perbetulkan arah pembangunan KL, pulihara warisan sejarah

Sekiranya melawat kota raya seperti London, Rom, Kaherah, Istanbul, Beijing dan Tokyo, selain pembangunan pesat dan kemajuan digital luar biasa, kita akan mengagumi nilai warisan ketamadunan dan sejarah yang terus dipelihara dan dipulihara. Malangnya, di tanah air sendiri, Kuala Lumpur - kota yang menjadi saksi kelahiran Malaysia moden dan menyimpan khazanah tidak ternilai - seolah-olah nadi sejarahnya semakin perlahan ditelan hiruk-pikuk kenderaan serta dibayangi bangunan pencakar langit.

Kita perlu mengakui keghairahan mengejar pembangunan dalam mengisi kemerdekaan sejak 1957, terutama apabila Kuala Lumpur diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 1974, banyak binaan lama dan bersejarah terpaksa memberi laluan kepada bangunan yang tumbuh ibarat 'cendawan selepas hujan' sehingga menjadi 'kota batu'.

Realitinya, ia tidak hanya berlaku di Kuala Lumpur kerana Pegawai Program Kebudayaan, Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), Montira Horayangura Unakul pernah mengakui banyak kota raya pesat membangun di Asia gagal memelihara warisan kebudayaan mereka, manakala tekanan semakin meningkat terhadap penggunaan tanah bagi projek bangunan pejabat dan rangkaian tren menyebabkan bangunan lama dan penempatan terpaksa dirobohkan.

Justeru, kita melihat Projek Warisan Kuala Lumpur (KL) dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bukan sahaja menyalakan harapan untuk melihat Kuala Lumpur 'berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah' dengan kota raya disenaraikan di atas, bahkan peluang untuk kita memperbetulkan arah pembangunan dengan menyulam masa depan dengan akar sejarah yang utuh.

Walaupun kita sudah banyak kehilangan warisan itu, masih belum terlambat untuk kita mengangkat semula yang tersisa, memulihara yang terpinggir dan membangunkan kembali ruang yang membawa makna kepada kehidupan warganya.

Namun, kita mengingatkan bahawa Projek Warisan KL perlu diterjemahkan sebagai tindakan kolektif. Ia tidak boleh kekal sebagai pelan indah di meja Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) atau wacana elit semata-mata, sebaliknya memerlukan penyertaan menyeluruh daripada semua pemegang taruh seperti syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat korporat, pertubuhan seni dan budaya, arkitek dan pakar serta warga ibu kota itu sendiri.

Dalam hal ini, kita tidak boleh malu untuk belajar daripada kota lain yang pernah tersilap arah, tetapi kembali memulihkan sejarah mereka seperti Seoul yang merobohkan lebuh raya bertingkat menutup Sungai Cheonggyecheon, tetapi mengembalikannya sebagai 'taman bandar' sepanjang 11 kilometer.

Kita perlu mengakui kos pemuliharaan jauh lebih tinggi berbanding meroboh dan membina semula bangunan baharu, justeru kerajaan boleh mewujudkan Dana Pemuliharaan Warisan Bandar yang berfungsi sebagai insentif kewangan kepada pemilik bangunan bersejarah supaya tidak menjual atau merobohkan harta mereka.

Dana itu boleh disumbang bersama oleh sektor awam dan swasta termasuk GLC, bank dan syarikat hartanah yang selama ini banyak meraih keuntungan daripada pembangunan ibu kota, selain pengecualian cukai atau geran penyelenggaraan tahunan kepada pemilik premis warisan.